

BAHASA MELAYU

Format Peperiksaan Mata Pelajaran Bahasa Melayu Peringkat SPM

PERKARA	KERTAS 1 (1103/1)	KERTAS 2 (1103/2)
Jenis Soalan	Ujian Subjektif	Ujian Subjektif
Bilangan Soalan	Terdiri daripada 2 bahagian • Bahagian A : 1 soalan karangan berpandukan rangsangan • Bahagian B : 5 soalan karangan umum • Jumlah : 6 soalan Perhatian • Soalan Bahagian A wajib dijawab. • Pilih 1 soalan daripada Bahagian B.	Terdiri daripada 4 soalan Soalan 1: Rumusan Soalan 2 : Pemahaman (a) Petikan Umum (b) Petikan Cerpen / Drama (c) Petikan Prosa Klasik (d) Petikan Puisi Soalan 3: Pengetahuan dan Kefahaman tentang tatabahasa (a) Morfologi (b) Sintaksis (c) Sistem Ejaan (d) Kosa Kata dan Istilah (e) Peribahasa Soalan 4: Novel (KOMSAS) Perhatian • Soalan soalan wajib dijawab.
Jumlah Markah	• Bahagian A : 30 markah • Bahagian B : 100 markah • Jumlah : 130 markah	• Soalan 1: 30 markah • Soalan 2: 25 markah • Soalan 3 : 30 markah • Soalan 4 : 15 markah • Jumlah : 110 markah
Masa yang Diperuntukkan	• 2 jam 15 minit	• 2 jam 30 minit
Aspek yang diuji	• Bahagian A Bahan rangsangan yang dikemukakan boleh berupa gambar foto, gambar rajah, ilustrasi kartun, pelan, iklan, petikan dan catatan. • Bahagian B - Soalan 1 hingga soalan 4 boleh menanyakan pelbagai isu untuk ditulis dalam pelbagai jenis karangan. - Soalan 5 merupakan soalan karangan berunsurkan sastera.	Soalan 1 • Isi tersurat diperolehi daripada petikan • Isi tersirat berdasarkan tugas dalam arahan soalan Soalan 2: (a) • 3 soalan pemahaman berdasarkan petikan rumusan Soalan 2: (b) • 3 soalan pemahaman berdasarkan teks KOMSAS, sama ada petikan cerpen atau drama. • Jawapan untuk soalan (iii) dapat diperolehi daripada pemahaman keseluruhan teks cerpen atau drama berkenaan. Soalan 2: (c) • 3 soalan pemahaman berdasarkan teks KOMSAS, iaitu prosa klasik. Soalan 2: (d) • 3 soalan pemahaman berdasarkan teks KOMSAS, sama ada petikan puisi moden atau puisi tradisional. Soalan 3: (a) • pengetahuan dan kefahaman tentang aspek morfologi. Soalan 3: (b) • pengetahuan dan kefahaman tentang aspek sintaksis. Soalan 3: (c) • pengetahuan dan kefahaman tentang aspek pengejaan dan pengimbuhan. Soalan 3: (d) • pengetahuan dan kefahaman tentang aspek penggunaan kata dan istilah. Soalan 3: (e) • pengetahuan dan kefahaman tentang aspek peribahasa. • Soalan- soalnya boleh berupa memberikan peribahasa yang sesuai dengan ayat dan petikan dan membina ayat berdasarkan peribahasa. Soalan 4: • Soalan tentang pengetahuan dan kemahiran asas sastera yang boleh dijawab berdasarkan mana-mana novel KOMSAS (novel disenaraikan mengikut zon). • Soalan boleh menanyakan perbandingan aspek- aspek sastera antara dua novel • Penggunaan bahasa baku dalam jawapan diberi perhatian.

Nota : Calon diwajibkan menduduki Kertas 3 (1103/3) : Ujian Lisan Berasaskan Sekolah

Analisis Peperiksaan Mata Pelajaran Bahasa Melayu Peringkat SPM

Kertas 1 - Bahagian A: Karangan Berpandu

2003	2004	2005	2006
-	Gambar foto (Pembangunan & Alam Sekitar)	Gambar foto (Usaha- usaha menangani vandalisme)	Dialog (Semangat patriotik)



Bahagian B: Karangan Umum

Jenis Karangan	2003	2004	2005	2006
Pendapat/ Perbincangan	2	1	1	2
Fakta / Huraian				1
Gambaran				
Keperihalan		1		
Perbahasan				
Ulasan / Kritikan			2	
Surat Kiriman Rasmi				
Surat Kiriman Tidak Rasmi				
Syarahan		1		
Pidato				

Jenis Karangan	2003	2004	2005	2006
Ceramah				1
Wawancara				
Forum				
Dialog				
Berita				
Peribahasa	1			
Laporan	1			
Minit mesyuarat				
Rencana	1	1	1	
Ucapan				
Cogan kata / Slogan	1			
KOMSAS		1	1	1

Kertas 2

Soalan 1 dan Soalan 2(a): Rumusan dan Pemahaman

2003	2004	2005	2006
Rencana Akhbar: Keperihalan Pelabelan	Rencana Akhbar: Faedah Badan Khas Membantu Pesakit Kronik dan Sebab Penubuhan	Rencana Akhbar: Faedah-faedah Hidup Berjiran dan Cara-cara Mengekalkan Hubungan Baik	Fokus Pengarang: Cara-cara Melahirkan Masyarakat Berbudi Bahasa dan Kesan- Kesan
-	3 soalan dikemukakan berdasarkan petikan rumusan	3 soalan dikemukakan berdasarkan petikan rumusan	3 soalan dikemukakan berdasarkan petikan rumusan

Soalan 2(b), 2(c) dan 2(d): Pemahaman KOMSAS

Tahun	2003	2004	2005	2006
Pemahaman Prosa Moden	Cerpen Menatap Wajahnya (Nov- Anak Laut) Drama...Perjuangan (Jun- Anak Laut)	Cerpen Budi Yang Tak Terbeli (Nov- Anak Laut) Cerpen Aku, Kris dan Kristal (Jun- Kerusi)	Drama Puteri Li Po (Nov- Kerusi) Drama Seri Nara (Jun- Anak Laut)	Cerpen Kerana Manisnya Epal (Nov- Anak Laut) Drama Jangan Bunuh Rama-Rama (Jun- Kerusi)
Pemahaman Prosa Klasik	Asal-usul Raja Kecil (Nov- Kerusi) Sikap Terburu-buru Akan Membawa Padah (Jun- Anak Laut)	Sikap Terburu-buru Akan Membawa Padah (Jun- Anak Laut) Kepahlawanan Tun Beraim Bapa (Jun- Kerusi)	Cerita Bayan Tiada Menurut Kata Ibu Bapanya (Nov- Anak Laut) Kezaliman Membawa Padah (Jun- Kerusi)	Kepahlawanan Tun Beraim Bapa (Nov- Kerusi) Sikap Terburu-buru Akan Membawa Padah (Jun- Anak Laut)
Pemahaman Puisi	Sajak Tukang Gunting (Nov- Kerusi) Sajak Keindahan Yang Hilang (Jun- Kerusi)	Seloka Pandai Pak Pandir (Nov- Kerusi) Pantun Mengenang Nasib (Jun- Anak Laut)	Sajak Sejarah (Nov- Kerusi) Syair Dandan Setia dan Intan Terpilih (Jun- Anak Laut)	Syair Pembunuhan Agreni (Nov- Anak Laut) Sajak Pembeli Masa Sudah (Jun- Anak Laut)

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

2003	2004	2005	2006
a) Membina ayat (kemasyhuran, kenyataan, pernyataan)	a) Membina ayat (garis panduan, baik pulih, hapus kira, urus niaga, usaha sama, hak cipta)	a) Membina ayat (tatasusila, tatacara, prasyarat, prasejarah, dwibahasa, dwitahunan)	a) Membina ayat (sabut serabut, tunjuk tunjuk, guruh gemuruh)
b) Membetulkan penggunaan kata atau istilah atau kesalahan tatabahasa	b) Menukarkan ayat (cakap pindah kepada cakap ajuk)	b) Menukarkan ayat pasif kepada ayat aktif	b) Menukarkan ayat majmuk kepada ayat tunggal
c) Membetulkan ayat	c) Membetulkan kesalahan ejaan dan imbuhan	c) Membetulkan kesalahan ejaan dan imbuhan	c) Membetulkan kesalahan ejaan dan imbuhan
d) Memisahkan ayat	d) Membetulkan penggunaan kata atau istilah atau kesalahan tatabahasa	d) Membetulkan penggunaan kata atau istilah atau kesalahan tatabahasa	d) Membetulkan penggunaan kata atau istilah atau kesalahan tatabahasa
-	e) Menyatakan peribahasa berdasarkan situasi dalam petikan	e) Menyatakan peribahasa berdasarkan tiga ayat yang dikemukakan	e) Menyenaraikan peribahasa atau kata-kata hikmat berdasarkan dialog

Soalan 4: Novel

2003	2004	2005	2006
November a) Nilai kegigihan b) Watak utama Jun a) Klimaks dan peleraian b) Latar tempat	November a) Nilai kasih sayang b) Cara penyelesaian konflik Jun a) Watak utama b) Pengajaran	November a) Dua peristiwa menarik b) Perbandingan latar tempat Jun a) Perwatakan watak sampingan b) Teladan dan pengajaran	November a) Pengajaran b) Perbandingan persoalan Jun a) Dua peristiwa konflik b) Nilai masyarakat



CONTOH KERTAS SOALAN BAHASA MELAYU

KERTAS 1

DUA JAM LIMA BELAS MINIT

Bahagian A
(Masa yang dicadangkan 45 minit)
[30 markah]

Lihat gambar di bawah dengan teliti kemudian huraikan pendapat anda tentang faktor-faktor berlakunya gejala sosial dalam kalangan remaja dan langkah membendungnya.. Panjang huraian anda antara 200 hingga 250 patah perkataan.

KES/KUMPULAN	DEWASA	REMAJA
DADAH	66%	44%
PELACURAN	70%	30%
GANGSTER	72%	28%
MEMBULI	56%	54%

Bahagian B
(masa dicadangkan 1 jam 30 minit)
(100 markah)

Pilih salah satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya melebihi 350 patah perkataan.

1. Anda telah mendapat tawaran melanjutkan pelajaran ke luar negara. Malangnya keluarga anda tidak mampu untuk membiayai kos pembelajaran anda. Anda bercadang untuk memohon biasiswa daripada kerajaan tempatan. Tulis sepucuk surat kepada pihak berkenaan dan terangkan masalah yang anda hadapi.
2. Anda bercadang untuk menyertai pertandingan syarahan yang dianjurkan oleh Kelab Bahasa Melayu di sekolah anda. Tajuk syarahan tersebut ialah “Peranan Keluarga atau Ibu Bapa dalam Membentuk Sahsiah Anak-anak”. Sediakan teks ucapan anda selengkapnya.
3. Sejak akhir-akhir ini, masyarakat kurang berminat untuk melibatkan diri dalam kegiatan gotong-royong atau hal-hal kemasyarakatan. Huraikan faktor-faktor berlakunya perkara ini dan langkah-langkah untuk menggalakkan masyarakat menyertai kegiatan yang berkaitan kemasyarakatan.
4. Belakangan ini, negara Malaysia telah menganjurkan pelbagai acara dan program termasuklah acara sukan bertaraf dunia bagi menarik pelancong asing datang ke negara kita. Bincangkan manfaat kedatangan pelancong asing ke negara Malaysia dan langkah-langkah yang perlu diambil oleh masyarakat dan kerajaan untuk merealisasikan impian ini.
5. Tulis sebuah cerita berdasarkan peribahasa “Belakang Parang Sekiranya Diasah Akan Tajam Juga”.



KERTAS 2

DUA JAM TIGA PULUH MINIT

Soalan 1: Rumusan
[30 markah]

Baca petikan dengan teliti, kemudian tulis satu rumusan tentang usaha-usaha untuk mengelakkan kejadian tanah runtuh di kawasan pembangunan di lereng bukit dan kesan kejadian tanah runtuh tersebut. Panjang rumusan anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Berikutan kejadian tanah runtuh di Bukit Antarabangsa, Hulu Klang, laluan lebu raya di NKVE, kawasan-kawasan kuari di Perak dan banyak lagi, telah timbul pelbagai peraturan baru dicadangkan serta dikuatkuasakan berhubung dengan pembangunan di kawasan lereng bukit. Sekiranya telah ada peraturan tersebut, peraturan ini perlu diperketatkan. Lumrah manusia, akan berdiam diri sekiranya segala-galanya berjalan lancar, tetapi apabila sesuatu kejadian berlaku, barulah 'melatah' marahkan semua pihak. Selepas beberapa bulan, perkara itu akan sejuk semula hinggalah ada kejadian lain yang berlaku. Pelbagai pandangan sering dikemukakan sama ada menerusi media, forum, seminar komentar, dan sebagainya tentang bahaya pembangunan di kawasan lereng bukit. Namun begitu, dalam keadaan biasa, pandangan seperti itu tidak dianggap penting.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam sekitar mahu Kerajaan Pusat mengambil alih penguatkuasaan undang-undang pembangunan di lereng bukit. Beliau berkata, semua projek pembukaan tanah di lereng bukit mempunyai keluasan sekurang-kurangnya 25 hektar akan diwajibkan menjalani kajian Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA). Sebelum ini pun, peruntukkan EIA yang sedia ada mensyaratkan kajian dijalankan bagi pembangunan hutan bukit seluas 50 hektar atau lebih. Namun disebabkan ada pemaju yang cuba mengelak daripada terlibat dalam kajian itu, mereka memecah projek masing-masing kepada beberapa lot kecil. Mereka cuba mengelak daripada kajian itu kerana bimbang menanggung kos tambahan. Apabila kajian dijalankan pelbagai peraturan dan kerja pembinaan akan dicadangkan bagi mematuhi syarat keselamatan. Oleh itu, pemaju sedaya upaya mencari helah supaya mereka dapat mengelak daripada syarat yang telah ditetapkan. Dengan peraturan baru itu, meskipun pemaju masih boleh memecah kawasan seluas 25 hektar kepada beberapa lot, ini akan menyukarkan mereka, terutama jika projek yang dilaksanakan itu adalah besar.

Pembangunan di kawasan lereng bukit biasanya terdedah kepada risiko. Pembangunan di kawasan yang berisiko tinggi seperti ini sepatutnya tidak dibenarkan sejak awal lagi, melainkan setelah kajian mendapati kawasan tersebut benar-benar selamat. Memperketat peraturan yang sedia ada mungkin boleh dilihat daripada konteks menutup kelemahan lalu. Sepatutnya beberapa peristiwa lalu yang membabitkan tanah runtuh sama ada di kawasan perumahan, lebu raya, dan kauri-kuari menjadi pengajaran sama ada kepada pihak berkuasa maupun pemaju. Namun begitu, masih banyak pihak yang tidak gentar. Pembangunan yang dilihat daripada mata kasar begitu menakutkan, tetapi terus dibina di kawasan-kawasan curam seperti itu.

Di Malaysia taburan hujan adalah tinggi. Keadaan ini memberi kesan kepada bentuk muka bumi. Di kawasan bukit, air yang mengalir akan memberi kesan kepada struktur tanah. Jika kawasan pembangunan di lereng bukit dibina tanpa mengambil kira faktor alam, keadaan ini akan memberi kesan yang buruk. Untuk mengelak keadaan seperti ini, kerajaan seharusnya memastikan pembangunan di kawasan bukit dihentikan. Kerja menebang kawasan bukit tidak digalakkan lagi. Tentunya lebih baik sebahagian permukaan muka bumi, terutama di kawasan yang berbukit dikekalkan dengan kehijauan semula jadi. Selain dapat menyerikan keadaan muka bumi, kesan cuaca juga dapat dielakkan.

(Diubahsuaikan daripada Minda Pengarang, Berita Harian, 20 Mei 1999)

Pemahaman
[35 markah]

Soalan 2 (a) Petikan Umum

Berdasarkan petikan rumusan di atas, jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan rangkaian kata **perkara ini akan sejuk semula** seperti yang terdapat dalam petikan di atas. [2 markah]
- (ii) Nyatakan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya tanah runtuh di kawasan lereng bukit. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda apakah cara yang terbaik untuk membangunkan satu-satu kawasan tanpa menjejaskan alam sekitarnya. [4 markah]



Soalan 2 (b) Petikan Cerpen.

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya menggunakan ayat anda sendiri.

Deliah yang sudah biasa dengan semak-samun di situ berlari dengan mudah di celah-celahnya. Beberapa peristiwa genting di tengah-tengah bahaya bom dan peluru sebelumnya mengurangkan kegusarannya menghadapi keadaan genting sekarang. Anak itu terdengar beberapa das tembakan dan jeritan kesakitan seorang lelaki. Tetapi baginya yang lebih utama ialah Rinda yang dilihat sudahpun berlari di hadapannya. Dia menoleh ke belakang menjerit. “Tuk Juma...” Dan dia terbatuk-batuk. “Jangan susahkan aku... aku selamat,” jeritnya kembali. “Wak pendek tertembak wak pendek,” tambahnya . “Lari ... lari ke bot!”

Deliah merasa lega apabila mendapati Jumari Jipan yang sedang termegah berlari itu semakin menghampirinya. “Lari Nen, lari cepat ke bot. Masuk!”

“Yang kejar itu tadi memang gila kucing. Lari Nen!” Deliah tahu bot itu sedang tertambat di tepi muara di celah-celah pokok. Memang dia sendiri yang turut menyembunyikan bot itu dua hari lalu ketika sojor Jepun merampas semua bot dan basikal yang ada di kawasan itu.

(Dipetik daripada cerpen Di Sisi Rinda, 1990 oleh A.Samad Said dalam antologi Kerusi DBP)

- (i) Mengapakah Deliah tidak menghiraukan keadaan cemas yang sedang berlaku pada waktu itu? [3 markah]
- (ii) Berikan beberapa cadangan agar kanak-kanak mangsa peperangan tidak merasakan kesan peperangan yang berpanjangan dalam kehidupan mereka [3 markah]
- (iii) Nyatakan dua nilai-nilai murni yang terdapat dalam petikan, dan dua nilai murni dalam keseluruhan cerita. [4 markah]

Soalan 2 (c) Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya menggunakan ayat anda sendiri.

Maka Laksamana pun berseru-seru pula, katanya, “Hai Si Jebat derhaka! Sungguh engkau berani tiada berlawan. Marilah engkau turun dari istana ini bertikam sama seorang!” Maka suara itu pun terdengar kepada Hang Jebat dikenalnya suara Laksamana. Maka Hang Jebat, ia pun naik ke peranginan; maka dibukanya peranginan itu, maka dilihatnya Laksamana berdiri di tengah halaman itu.

Maka Hang Jebat pun berdebar-debar hatinya; ia pun fikir dalam hatinya: “Adapun Hang Tuah sudah mati dibunuh oleh Bendahara ; sekarang Laksamana itu tiada dalam dunia ini, siapa pula yang datang itu seperti Laksamana pun sikapnya dan lakunya? Kalau matakau bekas tidur ini gerangan, maka jadi salah pemandanganku?”

Maka Hang Jebat pun turun dari peranginan itu lalu ia mandi pada pasu emas itu dan dibasuh mukanya. Setelah sudah maka Hang Jebat, segeralah engkau turun! Jika engkau tiada turun, sekarang istana ini kunaiki, tetapi sukar kita bertikam.” Setelah Hang Jebat mendengar suara Laksamana maka ia pun membuka pintu itu sedikit; maka dilihatnya Laksamana, diperamat-amatnya, dikenalnya itu Laksamana. Maka nyatalah Laksamana itu. Maka Hang Jebat pun hairan.

(Dipetik daripada cerita “Pertarungan Tuah dengan Jebat dalam Antologi Anak Laut DBP)

- (i) Apakah yang dimaksudkan **jadi salah pemandanganku** seperti yang terdapat dalam petikan? [2 markah]
- (ii) Sekiranya anda Hang Tuah, apakah tindakan yang akan anda lakukan apabila sultan mengarahkan anda membunuh Hang Jebat sedangkan dia memberontak kerana menyangkakan anda dibunuh raja. Berikan alasan anda. [3 markah]
- (iii) Nyatakan pewatakan Hang Jebat yang terdapat dalam petikan dan pewatakannya yang terdapat dalam keseluruhan cerita. [3 markah]

JAWAPAN dan TIPS SPM berkesan boleh didapati di laman web <http://www.timesguides.com>



Soalan 2 (c) Petikan Puisi Tradisional

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya menggunakan ayat anda sendiri.

**Gurindam Memelihara Anggota
Dan Hati Daripada Kejahatan**

Apabila terpelihara mata,
Sedikit cita-cita.
Apabila terpelihara kuping,
Khabar yang jahat tidaklah damping.
Apabila terpelihara lidah,
Nescaya dapat daripadanya faedah.
Bersungguh-sungguh engkau memelihara tangan,
Daripada segala berat dan ringan.
Hati itu kerajaan di dalam tubuh,
Jikalau zalim segala anggota pun roboh.
Apabila dengki sudah bertanah,
Datanglah daripadanya beberapa anak panah.
Mengumpat dan memuji hendaklah berfikir,
Di situlah banyak orang tergelincir.
Pekerjaan marah jangan dibela,
Nanti hilang akal di kepala.
Jika sedikit pun berbuat bohong,
Boleh diumpamakam mulutnya itu pekung.

Oleh Raja Ali Haji Puisi Melayu Tradisional, 1997.
Dewan Bahasa dan Pustaka.

(i) Huraikan maksud:

Apabila terpelihara kuping,
Khabar yang jahat tidaklah damping.

[2 markah]

(ii) Pada pendapat anda mengapakan kita perlu memelihara hati kita daripada melakukan kejahatan?

[3 markah]

(iii) Nyatakan pengajaran-pengajaran yang terdapat dalam gurindam di atas

[3 markah]



Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

(a) Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah biar jelas menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambah atau mengubah imbuhan serta menjadikannya peribahasa.

- (i) bakar
- (ii) dibakar
- (iii) membakar
- (iv) terbakar
- (v) pembakaran
- (vi) kebakaran

[6 markah]

(b) Tukarkan ayat-ayat di bawah ini daripada cakap ajuk kepada cakap pindah.

“Mengapa kamu pulang lewat?” tanya Mak Kalsum, ibu Hamdan. “Saya ada kelas tambahan di sekolah ibu.” jawab Hamdan murid tingkatan tiga Sekolah Menengah Seri Mahkota yang memang terkenal dengan sikap rajinnya itu.

“Lain kali kalau ada kelas cakaplah awal-awal, tak lah rungsing ibu,” kata Mak Kalsum mengakhiri perbualan.

[6 markah]

(c) Dalam ayat-ayat di bawah ini, terdapat dua penggunaan ejaan dan imbuhan yang salah. Kenal pasti kesalahan-kesalahan tersebut dan betulkan dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

- i) Dia mengambil masa selama satu minggu untuk mencat rumah banglo itu.
- ii) Khusus membuat dan mereka fasion pakaian itu dikelola oleh Persatuan Kaum Wanita.
- iii) Musalmah telah mengubah bunga-bunga itu sehingga banyak orang tertegun melihatnya.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat dua kesalahan penggunaan kata atau istilah dan kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan-kesalahan itu dan betulkannya dengan menulis semula tanpa mengubah struktur ayat dan maksud asal.

- i) Pencuri itu melarikan diri ke dalam semak-samun bila pihak polis mengejar.
- ii) Bangunan yang terdiri megah itu telah diresmikan oleh Perdana Menteri.
- iii) Kedua orang penunggang motosikal berkorban dalam nahas jalan raya.

[6 markah]



- (e) Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian kemukakan tiga peribahasa yang menggambarkan situasi yang terdapat dalam petikan.

Pengalamannya semasa diragut minggu lepas menyebabkan Helen menyesal kerana tidak mengikut nasihat ibunya supaya sentiasa berhati-hati apabila berjalan bersendirian. Selepas peristiwa itu dia sentiasa berwaspada kerana dia tidak tahu apa yang akan menimpanya pada masa hadapan. Helen selalu mengingatkan dirinya agar lebih berhati-hati sebelum perkara yang lebih buruk menimpanya.

[6 markah]

Soalan 4: Novel
[15 markah]

Jawab soalan di bawah. Jawapan anda hendaklan berdasarkan novel-novel yang anda pelajari.

- i) Terminal Tiga karya Othman Puteh
 - ii) Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj. Yusof
 - iii) Di Hadapan Pulau karya A. Samad Said
 - iv) Bukit Kepong karya Ismail Johari
 - v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
 - vi) Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah
 - vii) Julia karya Abu Hassan Morad
- Puteri Gunung Tahan karya Ishak Hj. Muhammad

- (a) Huraikan dua penggunaan teknik plot dalam sebuah novel yang anda kaji.

[7 markah]

- (b) Bandingkan persamaan watak dan perwatakan watak utama dalam dua buah novel yang anda pelajari.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

